



**TEKS UCAPAN  
YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA SERI DEWA  
MEJAR JENERAL (B) DATO SERI PAHLAWAN  
HAJI AWANG MOHAMMAD BIN HAJI DAUD  
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**MAJLIS UPACARA MENAIKKAN BENDERA NEGARA  
( UKURAN BESAR )**

**DI KAWASAN LAPANG  
YAYASAN SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**HARI AHAD, 03 SAFAR 1429  
BERSAMAAN 10 FEBRUARI 2008  
JAM 8.30 PAGI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktu.

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Amat Mulia,

Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar,  
Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara;

Yang Amat Mulia,

Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar,  
Grand Chamberlain;

Yang Amat Mulia,

Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Yusof;

Yang Berhormat,

Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar;  
Pengetua Pusat Sejarah;

Yang Berhormat,

Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman,  
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama;

Yang Dimuliakan,

Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Hj. Halbi bin Hj. Mohd. Yusof,  
Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei;

Yang Dimuliakan,

Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani,  
Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei;

Yang Mulia, Setiausaha-Setiausaha Tetap;

Yang Berhormat-Yang Berhormat;

Yang Dimuliakan Pehin-Pehin;

Yang Mulia, Ketua-Ketua Jabatan;

Pegawai-Pegawai Daerah,

Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Kerja;

Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung;

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat, dan pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-24 Tahun 2008 akan kita rayakan seperti selayaknya sebagai salah satu sambutan bertaraf nasional. Persediaan-persediaan sedang rancak diusahakan oleh semua jawatankuasa kerja, termasuk persediaan Perhimpunan Agung pada hari Sabtu, 16 Safar 1429 bersamaan 23 Februari 2008.

Seperti lazimnya Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan kita mulakan dengan Upacara Menaikkan Bendera Negara berukur besar sebagai satu pemberigaan ke seluruh negara tentang sambutan hari yang bersejarah ini. Bendera Negara adalah berkait rapat dengan maruah dan martabat bangsa kerana ia merupakan lambang kendaulatan bangsa. Sebab itulah Bendera Negara pada hakikatnya sudah dijadikan saluran penting untuk menyemai serta membangkitkan semangat patriotik, semangat cintakan bangsa dan tanah air. Di mana-mana sahaja Bendera Negara digunakan, letak kedudukannya mestilah pada tempat yang mulia dan terhormat, bukannya selarah-larrah tempat kerana ia melambangkan kedaulatan bangsa.

Oleh yang demikian, wajarlah sepanjang tempoh Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-24 ini, semua rakyat dan penduduk yang bermastautin di negara ini akan bersikap lebih positif, menampakkan jati diri, bersemangat patriotik tinggi dengan mengibarkan Bendera Negara secara hormat dan sempurna sama ada di kampung-kampung dan mukim-mukim, di kawasan-kawasan perumahan dan perniagaan di seluruh negara. Sikap positif sedemikian

adalah tanda keyakinan yang negara ini adalah bumi tempat berbijak, bernaung, dan mengabdikan jasa bakti di atas jalan yang benar seperti maksud slogan pada Bendera Negara, "Sentiasa Membuat Kebajikan Dengan Petunjuk Allah".

Hari Kebangsaan akan melibatkan seluruh lapisan masyarakat. Pembudayaan sambutan nasional yang berteraskan pembinaan negara bangsa ke dalam kehidupan rakyat ini adalah semata-mata bertujuan untuk memperjelas jati diri bangsa, memperkuuh perpaduan, dan meningkatkan patriotisme berbangsa dan bernegara.

Saya penuh berharap, sepanjang tempoh sambutan ini, semua program sampingan akan disusun dengan teliti agar pelaksanaan matlamatnya menjurus kepada tema sambutan iaitu "Tunas Bangsa". Program-program sampingan itu haruslah inovatif dan dinamik yang dapat menyumbang ke arah peningkatan kemajuan bangsa melalui kegiatan-kegiatan "Tunas Bangsa" demi menjamin survival negara ini sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat.

Sekian, dan saya sukacita merakamkan penghargaan yang tinggi kepada semua yang terlibat mengungkayahkan majlis yang bermakna ini, dan mudah-mudahan akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala juga. Amin.

Wabillahit Taufik Walhidayah,  
wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.